



Universiti Malaysia
KELANTAN

CFT3142

PROJEK PENYELIDIKAN

**GENDANG PAHANG : MELESTARIKAN PERSEMBAHAN , PERALATAN
DAN PENGLIBATAN GENERASI MUDA**

OLEH :

NURUL SYAKIRAH BINTI NORHISHAM

C19A0689

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinya kurniaNya , maka penyelidikan ini dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan dengan jayanya. Sekalung penghargaan kepada keluarga tercinta atas dorongan dan curahan kasih sayang yang telah membawa saya sampai ke tahap ini .

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada En . Shaipuddin b. Muhammad selaku penyelia Projek Penyelidikan yang telah banyak memberi saya dorongan dan sumbangan idea dalam membantu saya mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi sepanjang saya menyiapkan penulisan kajian ini . Terima Kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini.

Terima Kasih tidak terhingga juga kepada rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar dalam membantu saya untuk menjayakan kajian ini dengan banyak membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini.

Sekian , terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	
BAB 1 PENDAHULUAN	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Skop dan Batasan Kajian	7-8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Kesimpulan	10
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sorotan Kajian	11 - 19
2.3 Kesimpulan	19
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	20
3.1 Rekabentuk Kajian	20 - 21
3.2 Kaedah Kajian	21
3.3 Data Sekunder	
3.3.1 Kaedah Perpustakaan	
3.4 Data Primer	21
3.4.1 Kaedah Pemerhatian	

3.4.2 Kaedah Temubual	
3.4.3 Soal Selidik	
3.5 Kesimpulan	23
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	24
4.2 Kaedah Soal Selidik	
4.2.1 Bahagian A : Demografi Responden	24 - 28
4.2.2 Bahagian B : Cara untuk melestarikan persembahan Gendang Pahang terhadap generasi muda	29-36
4.2.3 Bahagian C : Persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang	37-44
4.3 Kaedah Temubual	44-45
4.4 Kaedah Pemerhatian	46
4.5 Kesimpulan	46
BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	47
5.2 Cadangan untuk mengekalkan persembahan Gendang Pahang dan penggunaan alat muzik tradisional di negeri Pahang	47
5.2.1 Pihak Kerajaan Negeri	47-48
5.2.2 Agensi Pelancongan	48
5.2.3 Institusi Pendidikan	48
5.3 Cadangan Lanjutan	49
5.4 Kesimpulan	49-50

RUJUKAN

51

LAMPIRAN

52-54



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai melestarikan persembahan , peralatan dan penglibatan generasi muda di dalam persembahan Gendang Pahang yang menjadi indentiti kepada masyarakat melayu di negeri Pahang . Di dalam kajian yang dijalankan aspek yang diteliti adalah alat muzik yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang iaitu gong , gendang ibu dan gendang anak . Selain itu , kajian ini turut menfokuskan terhadap cara melestarikan persembahan Gendang Pahang ini di dalam kalangan generasi muda dan persepsi generasi muda terhadap persembahan ini. Melalui pendekatan untuk mencapai perkara ini kajian soal selidik ke atas 30 responden telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenainya. Berdasarkan dapatan kajian melalui soal selidik pengkaji mendapati ramai yang tidak mengetahui mengenai Gendang Pahang . Oleh itu , kerjasama daripada pelbagai pihak diperlukan bagi memastikan agar persembahan Gendang Pahang dapat diwarisi kepada generasi muda supaya kesenian ini tidak luput begitu sahaja .

Key : *Gendang Pahang*

ABSTRACT

This study discusses about preserving the performance, equipment and involvement of the young generation in the Gendang Pahang performance which is an identity for the Malay community in the state of Pahang. In the research that was conducted, the aspects that were examined were the musical instruments found in the Gendang Pahang performance, namely the gong, the mother's drum and the child's drum. In addition, this study also focuses on how to preserve the Gendang Pahang performance among the young generation and the perception of the young generation towards this performance. Through the approach to achieve this, a questionnaire survey of 30 respondents was conducted to obtain information about it. Based on the findings of the survey, the researcher found that many people did not know about Gendang Pahang. Therefore, cooperation from various parties is needed to ensure that the Gendang Pahang performance can be passed down to the younger generation so that this art does not simply disappear.

Key : *Gendang Pahang*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Gendang Pahang adalah kesenian tradisional yang mendapat pengaruh agama Islam secara meluas dan mendalam di Tanah Melayu. Alat muzik tradisional ini telah dibawakan oleh golongan bangsawan iaitu Dato Purba Jelai dan penyebarannya mengenainya telah dilakukan melalui tiga generasi. Zaman pemerintahan Raja Jelai dikatakan bermula di Bukit Betong Lipis iaitu di daerah Hulu Pahang yang bertapak kelompok dari keturunan Raja Pagar Ruyung yang memegang teraju Orang Besar Berempat Pahang secara turun temurun yang membawa maksud keluarga Orang Kaya Indera Purba Jelai atau Tok Raja Jelai di dalam catatan sejarah salasilah keluarga Seri Maharaja Perba adalah daripada salasilah moyang mereka yang pertama kali datang dari Pagar Ruyung ke Lipis pada tahun 1951. Asal nama kampung Seri Maharaja Perba di Pagar ruyung adalah Kabung Pagar Teras.

Pada asalnya Gendang Pahang dimainkan untuk mengiringi seni silat. Kewujudan gendang ini supaya gerakan silat dapat dihayati oleh pesilat di dalam memahirkan lagi gerak-geri atau bunga silat yang diajarkan. Gendang Pahang juga dijadikan persembahan di dalam adat istiadat istana serta dimainkan di dalam tarian iaitu Tari Inai ianya juga turut dimainkan di dalam majlis perkahwinan. Di dalam persembahan Gendang Pahang terdapat lagunya yang tersendiri, rentak pembukaan digunakan bagi memulakan muzik dan akan diikuti dengan "rentak mati" atau alunan "membunuh" di pengakhirannya juga diikuti lain-lain rentak. Peralatan muzik yang digunakan adalah gendang anak, gendang ibu dan gong. Salah satu bahagian kedua-dua gendang akan dipukul menggunakan pemukul yang diperbuat daripada rotan. Penggunaan Serunai di

dalam Gendang Pahang adalah tidak digalakkan kerana di anggap ianya adalah pengaruh dari luar terutamanya dari negeri Kelantan.

Dalam sesuatu persembahan rentak akan dimulakan oleh gendang anak. Gendang anak juga digunakan untuk memberi isyarat bagi menamatkan sesebuah persembahan. Gendang Pahang tidak hanya tertumpu atau terhad kepada golongan lelaki sahaja malahan golongan wanita juga turut boleh memainkan alat muzik ini kerana seni itu adalah luas dan tidak terikat dengan jantina. Gendang Pahang ini juga mempunyai lagu tersendiri, Bujang Hilir merupakan antara salah satu lagu yang terkenal di dalam Gendang Pahang.

Penglibatan seseorang individu di dalam persembahan Gendang Pahang secara dasarnya boleh membantu dalam menjaga kecergasan serta kesihatan diri. Hal ini adalah disebabkan oleh penumpuan serta pergerakan yang dilakukan ketika bermain gendang tersebut. Namun seseuai dengan peredaran waktu Gendang Pahang telah pun semakin pupus dan kurang dimainkan kini. Generasi muda kini tidak mendapat pendedahan mengenai keistimewaan yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Generasi pada hari ini seharusnya di berikan kesedaran untuk mempelajari dan mempraktikkan kesenian yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Gendang Pahang perlu dipertingkatkan daripada segi kualiti persembahan, peralatan tetapi perlu mengekalkan keasliannya. Melalui cara kaedah ini dapat menarik minat generasi muda untuk mempelajari kesenian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di dalam kajian ini pengkaji akan menekankan terhadap aspek utama iaitu alat muzik yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Pengkaji juga akan mengenalpasti cara untuk melestarikan Gendang Pahang terhadap generasi muda dan mengkaji persepsi generasi muda terhadap Gendang Pahang. Kajian ini juga akan menitikberatkan mengenai pernyataan masalah yang akan timbul semasa menjalankan kajian.

Menurut Zurailawati Yong (2022) Gendang adalah satu jenis peralatan muzik yang diciptakan daripada kayu jenis bulat. Pemukul Gendang dikenali sebagai tukang gendang. Mankala penukul atau pemain gendang diraja mempunyai gelaran sendiri, mereka digelar Kulup Raja. Gendang Pahang telah diletakkan di dalam jenis Gendang Melela disebabkan dibelah muka gendang dipukul dengan kayu dan di sebelah lagi dengan menggunakan tangan untuk memukul. Perbezaan Gendang Pahang dikenali dengan melihat pada badan gendang iaitu di bahagian bawah gendang yang berbeza dengan gendang daripada negeri lain. Gendang Pahang tidak diikat pada bahagian bawah gendang.

Di sebalik proses dan ciri-ciri pembuatan yang menarik, Gendang Pahang mempunyai nilai estetika iaitu dengan terdapat beberapa buah lagu yang sangat menarik. Sejarah tradisi Gendang Pahang telah dikaitkan dengan pelbagai kisah-kisah legenda di setiap lagu yang dihasilkan mempunyai kisah sebaliknya. Masyarakat pada zaman dahulu mengaitkan sebuah cerita atau kisah dalam bentuk lagu sebagai saluran untuk menghiburkan dan memberi nasihat daripada yang telah disaksikan sendiri mengikut irama akan diceritakan kembali melalui percakapan serta menyanyikan. Seni mempelajari teknik pukulan Gendang bergantung kepada tahap kefokusannya pelajar, kekuatan terhadap pemikiran, teknik dan cara jurulatih atau guru yang memberi pelajaran serta bait-bait lirik lagu yang digunakan memainkan peranan yang amat penting.

1.3 Pernyataan Masalah

Permasalahan di dalam kajian yang dijalankan ini adalah maklumat mengenai Gendang Pahang yang kekurangan di dalam Internet dan juga buku-buku. Hal ini akan menyebabkan pengkaji perlu menghubungi individu yang masih memainkan Gendang Pahang di Pahang bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Kekurangan generasi muda yang mempelopori seni tradisi Gendang Pahang ini akan memberi impak besar apabila seni ini tidak dapat terus dipelihara, bagi meneruskan tradisi ini minat generasi muda untuk mendalami tradisi Gendang Pahang perlu di tarik.

Kurangnya pemain yang boleh memainkan alat muzik di dalam Persembahan Gendang Pahang, akan memberikan kesan yang buruk dari masa ke masa. Hal ini akan menyebabkan generasi yang akan datang tidak mengetahui nilai tradisi di dalam alat muzik tradisional dan tidak berminat untuk mempelajarinya. Amatlah rugi jika nilai tradisi melayu yang ada dilupakan begitu sahaja dan tidak dipelihara.

Secara dasarnya, generasi muda pada ketika ini tidak langsung mempunyai minat untuk mempelajari seni tradisional yang terdapat di Malaysia ini malah mereka lebih berminat dengan seni-seni barat. Oleh itu, beberapa pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan bagi menarik minat mereka untuk menerokai seni tradisi melayu khususnya Gendang Pahang. Sebilangan besar generasi ini juga tidak mengetahui nilai keistimewaan yang terdapat di dalam Gendang Pahang.

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini beberapa objektif penting telah di kenalpasti bagi mendapatkan maklumat yang lengkap. Melalui objektif yang telah ditetapkan ini pengkaji akan menghuraikan semua permasalahan yang timbul semasa melakukan kajian.

1.4.1 Mengkaji alat muzik yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang.

1.4.2 Mengenalpasti cara untuk melestarikan persembahan Gendang Pahang terhadap generasi muda.

1.4.3 Mengkaji persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang.

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji juga telah mengemukakan beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini. Persoalan kajian sangat lah penting untuk merungkaikan isu yang dikaji.

1.5.1 Apakah alat muzik yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang.

1.5.2 Apakah cara untuk melestarikan persembahan Gendang Pahang terhadap generasi muda.

1.5.3 Apakah persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang.



1.6 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah berkaitan dengan peralatan muzik yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Pengkaji akan menerangkan mengenai fungsi setiap alat muzik yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Hal ini ditegaskan kerana tidak semua lapisan masyarakat atau generasi muda mengetahui fungsi alat muzik Gendang Pahang. Persembahan Tari Inai, silat akan diiringi dengan Gendang Pahang kerana mempunyai keunikannya yang tersendiri. Oleh itu, persembahan ini sepatutnya perlu terus menjadi tradisi supaya ditelan zaman.

Hal ini telah menyebabkan pengkaji akan cuba untuk mengenalpasti cara untuk melestarikan Gendang Pahang terhadap generasi muda. Kajian ini dilakukan adalah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda mendalami atau mempelajari mengenai kesenian yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Umumnya mengetahui, generasi muda pada masa kini tidak berminat untuk mempelajari kesenian dahulu kerana terlalu taksud dengan arus kemodenan. Melalui kajian ini, akan dapat menarik minat generasi muda untuk mempelajari alat muzik Gendang Pahang dan kemungkinan besar mereka mungkin akan menjadi pelapis baru di dalam melestarikan Gendang Pahang ini.

Seterusnya, pengkaji juga akan mengkaji persepsi generasi muda terhadap Gendang Pahang. Pandangan daripada setiap lapisan generasi muda mengenai Gendang Pahang akan di ambil kira bagi membolehkan kajian ini berjalan dengan baik. Setiap persepsi yang diterima akan dinilai daripada sudut yang positif. Setiap generasi mesti mempunyai pandangan mereka yang tersendiri mengenai Gendang Pahang.



Gambar 1.1

Peta Negeri Pahang

Kajian ini akan dilakukan melalui kaedah pemerhatian di lokasi kajian yang bertempat di Jerantut. Kajian ini dilakukan secara tinjauan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai persembahan Gendang Pahang. Kajian ini akan menyelusuri persatuan yang masih aktif di dalam memainkan Gendang Pahang untuk mendapatkan gambaran yang jelas disamping merasai sendiri pengalaman melihat persembahan Gendang Pahang dimainkan di depan mata sendiri. Dengan kaedah ini pengkaji juga akan dapat melihat jenis alat muzik yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang. Selain itu, pengkaji juga akan dapat mempelajari cara alatan-alatan muzik ini dibuat.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji alat muzik yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Di dalam Gendang Pahang terdapat beberapa alat muzik yang mempunyai keistimewaannya. Peranan setiap alat muzik ini di dalam mengiringi persembahan akan dikupas bagi merungkaikan permasalahan yang timbul. Melalui kajian ini juga pengkaji akan dapat mengetahui mengenai dengan padat dan mendalam mengenai peralatan muzik yang terdapat di dalam Gendang Pahang.

Selain itu, kajian ini dijalankan juga adalah untuk melestarikan atau mendedahkan kepada generasi muda mengenai kewujudan Gendang Pahang yang semakin pudar di telan zaman kerana generasi muda yang semakin tidak berminat dengan alat muzik tradisional. Melalui kajian yang dijalankan pengkaji akan dapat memainkan peranan sebagai generasi muda bagi melestarikan Gendang Pahang supaya ia tidak lapuk di telan zaman.

Hasil daripada kajian yang dijalankan juga dapat memberi ilmu baru kepada para-para pelajar dan para-para penyelidik yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini ianya boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada yang memerlukan. Daripada kajian ini juga Gendang Pahang dapat dibawa atau diketengahkan semula kerana ianya juga adalah salah satu muzik tradisional melayu yang terkenal di negeri Pahang.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya , pengkaji telah menjelaskan pernyataan masalah , objektif kajian , persoalan kajian dan kepentingan kajian yang digunakan di dalam kajian ini.Pengkaji juga telah menerangkan mengenai Gendang Pahang dengan lebih terperinci.Gendang Pahang adalah khazanah atau tradisi melayu yang tidak sepatutnya lenyap.Walaupun mempunyai fungsi tetapi ianya tidak dapat dilihat oleh generasi muda.Seiring dengan arus kemodenan Gendang Pahang semakin dilupakan tetapi sebagai generasi yang muda ianya tetap harus dipelihara.Alaf baharu yang kian meniti bukanlah untuk dibiarkan pupus khazanah berharga tetapi untuk terus dijaga dan pelihara.Kecanggihan tidak bererti kita melupakan tradisi dan kesenian yang telah menjadi sebahagian daripada hidup kita malah kecanggihan yang ada perlu digunakan untuk meneruskan tradisi walaupun dengan cara yang berbeza.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Kesedaran generasi muda terhadap keindahan dan keistimewaan alat muzik Gendang Pahang di dalam kehidupan sememangnya tidak terlalu besar. Oleh itu, di dalam kajian yang dijalankan ini akan mengangkat kembali alat muzik Gendang Pahang terhadap generasi muda. Kajian ini akan dijalankan dengan merujuk kepada beberapa sumber yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Melalui sumber yang ada pengkaji akan menggunakan sumber rujukan yang ada daripada rujukan internet, sumber ilmiah melalui bacaan, majalah – majalah dan lain-lain sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan.

2.2 Sorotan Kajian

Siti Khodijah Mohd Annuar (2021) telah menyatakan Gendang Pahang merupakan salah satu alat muzik tradisional yang kurang popular dan dikenali memandangkan muzik moden semakin menarik minat generasi muda pada masa kini. Terdapat pelbagai alat muzik yang telah diinovasikan pada masa kini untuk menjadikan ianya lebih menarik di dalam dunia yang lebih moden ini. Walaubagaimanapun ianya adalah alat muzik barat atau kontemporari manakala terdapat beberapa kajian yang tertumpu kepada alat muzik tradisional yang ditambah.

Menurut Shahriyah Abdul Rashid (2007) muzik adalah perkataan yang diperkatakan berasal daripada perkataan Yunani iaitu “mousike” kemudiannya diikuti oleh perkataan Latin iaitu “musica”. Menurut orang Yunani perkataan *mousike* itu merangkumkan segala kegiatan individu yang melahirkan rentak irama atau bunyi yang harmoni kerana semua itu dinaung oleh dewi mereka iaitu Dewi Muse. Menurut pandangan orang-orang melayu muzik adalah hasil yang lahir dari penggunaan permainan yang mengeluarkan bunyi-bunyian. Menurut Kamus Dewan muzik bererti gubahan bunyi untuk memperolehi keindahan bentuk dan

pernyataan masalah , bunyi-bunyian.Walau bagaimanapun , dapatlah disimpulkan secara amnya bahawa alat tradisional telah pun dimulakan daripada kalangan primitive yang amalkan kepercayaan animisma.Mereka menggunakan tarian dengan pergerakan dan bunyi-bunyian terhadap muzik.Pada awalnya muzik dihasilkan dengan suara , tepukan tangan , hentakan kaki dan hentukan kayu.Lama kelamaan seiring dengan arus kemajuan penciptaan alat paluan seperti gendang , gong , kompang dan alat-alat tiupan seperti seruling dan serunai.Menurut beliau gendang memegang tanggungjawab yang besar di dalam seni budaya masyarakat Melayu.Terkenal dengan panggilan kendang di dalam bahasa Jawa atau 'kendhang oleh masyarakat Tausug di Filipina , masyarakat melayu sememangnya terkenal sebagai pemain gendang yang handal.Gendang tertua yang pernah ditemui telah dipercayai dimainkan sejak abad ke-9 di sekitar kawasan Borobodur , sama seperti kompang binaanya juga memerlukan rangka kayu kukuh sama ada pokok nangka , kelapa atau cempedak dengan bahagian kulitnya diperbuat daripada kulit kerbau untuk mendapatkan bunyi yang padu atau kulit kambing untuk bunyi yang lebih nyaring.Di dalam persembahan Gendang Pahang , alat muzik gendang merupakan instrumen utama di dalam mengiringi persembahan dan akan diikuti alat muzik lain seperti gong.

Fadhil Ibrahim (2020) menurutnya di dalam kebudayaan melayu tarian merupakan salah satu bidang seni yang sangat menonjol.Seni tari lahir daripada keperluan masyarakat.Selain berfungsi sebagai hiburan di dalam masyarakat tarian juga memiliki beberapa fungsi sosial sebagai salah satu bahagian daripada upacara adat.Terdapat banyak jenis tarian yang dijadikan sebagai alat pelengkap upacara adat salah satu daripadanya adalah tarian Inai.Asal usul tarian Inai tidak dapat dikenalpasti daripada mana tarian ini berasal namun tari Inai merupakan warisan yang telah diwariskan sejak turun temurun.Tarian Inai akan ditampilkan oleh pasangan iaitu lelaki dan perempuan , di dalam tarian ini penari akan memberi hormat kepada pengantin.Di dalam tarian ini alat muzik di dalam persembahan Gendang Pahang akan mengiringinya iaitu gendang anak , gendang

ibu dan gong serta serunai tetapi di dalam persembahan Gendang Pahang yang sebenar alat muzik serunai tidak termasuk.

Menurut Nor Suhaila Ibrahim muzik seni tradisional adalah kesenian yang tidak hilang atau lapuk dek zaman di dalam kalangan pelbagai etnik-etnik yang terdapat di Malaysia. Seni ini adalah warisan yang turun-temurun dengan terdapat keistimewaan yang tersendiri. Pada zaman dahulu kala hanya golongan tertentu sahaja yang akan memainkan alunan muzik iaitu seperti golongan bangsawan atau untuk hiburan diraja sahaja. Namun terdapat muzik yang dimainkan untuk rakyat biasa tetapi masih mengikut hierarki. Setiap negeri mempunyai kesenian yang tersendiri sebagai contoh di negeri Kelantan terdapat persembahan Dikir Barat dan Mak Yong begitu juga dengan negeri-negeri lain. Negeri Pahang terkenal dengan Muzik Gamelan serta persembahan Gendang Pahang. Gendang Pahang secara dasarnya dipersembahkan kepada golongan bangsawan di dalam mengiringi tarian. Di dalam persembahan, Gendang dibahagikan kepada dua jenis iaitu gendang ibu dan gendang anak. Di dalam penulisan telah menjelaskan gendang dihasilkan dengan menebuk sebatang kayu. Setiap gendang mempunyai dua muka yang telah diperbuat daripada kulit kambing serta kulit lembu yang telah diikat pada gendang tersebut dengan gunakan rotan atau tali. Paluan atau pukulan gendang memainkan peranan yang penting di dalam mengiringi persembahan seperti tari Inai dan silat. Gong pula merupakan alat muzik di dalam kumpulan idiophone yang buat daripada bahan logam seperti besi dan tembaga. Dimainkan dengan cara mengetuk secara selang-seli dan secara lazimnya dimainkan bersama gendang dan serunai.

Menurut Muhamad Bin Mohd Yunus (2022) gendang terbahagi kepada beberapa jenis antaranya Gendang Serama, Gendang Melela dan Gendang Merdangga. Setiap daripada jenis gendang terdapat lambang berdasarkan budaya dan negeri masing-masing. Terdapat gendang yang disatukan bersama gong, serunai dan beduk atau tabuh. Gendang Pahang mempunyai tiga gabungan yang terdiri daripada gendang ibu, gendang anak dan gong. Gendang Pahang dikategorikan di dalam jenis Gendang Melela

kerana sebelah permukaan gendang dipukul dengan kayu dan sebelah lagi dengan pukulan tangan. Perbezaan Gendang Pahang dapat dikenalpasti dengan melihat pada bahagian badan gendang iaitu pada bahagian bawah gendang. Bagi membezakan Gendang Pahang dengan gendang negeri lain Gendang Pahang tidak mempunyai ikatan pada bahagian badan bawah gendang.

Selain dari ciri-ciri gendang dan proses membuatnya yang unik, kesenian tradisional ini juga mempunyai kelebihan dengan terdapat 7 buah lagu Gendang Pahang terkenal. Antaranya ialah, Bujang Hilir, Kuricak Gajah Maharaja Dewa Sura, Sama Deras, Kambing Belaga Lenggang Janda, dan Raja dan Tupai Mencalat Berangkat. Setiap lagu yang terdapat di dalam Gendang Pahang terdapat kisah sebaliknya. Setiap lagu gendang berbeza mengikut tempat dan daerah di dalam negeri Pahang. Genre lagu gendang terbahagi kepada empat kategori iaitu gendang perang, gendang silat, gendang iringan serta gendang Poyang. Terdapat 163 lagu yang terdapat di dalam Gendang Pahang, 70 buah lagu gendang dapat dikenalpasti manakala lebihannya tidak dapat dipastikan daripada daerah atau asal lagu itu. Antara lagu Gendang Pahang yang tidak dapat dikesan ialah Gendang Seladang Pulau Tawar, Gendang Pemberontak Budu, Gendang Naga Cini Berjuang dan lain-lain.

Paluan bunyi alat muzik gendang yang merdu serta indah amat mendamaikan dan mempesona, sesetengah paluan bunyi yang dihasilkan daripada gendang mampu menyemarakkan semangat yang berkobar di dalam kalangan pendengar misalnya alunan gendang silat. Setiap paluan gendang mengandungi maksud tersurat dan tersirat juga terselit maksud tertentu disebalik lagu yang dialunkan. Elemen bunyi yang ada di dalam gendang silat adalah bunyi untuk memanggil orang ramai, bunyi pesilat menunjukkan dan mempersembahkan bunga tari atau lela sembah, bunyi pesilat bertarung dan bunyi pesilat bertempur dengan mengeluarkan kombinasi pelbagai jenis-jenis pukulan.

Di dalam penulisan Asnan Hamdin mengatakan asal usul Gong yang sebenar adalah daripada Wilayah Barat China, abad keenam. Penyelidikan saintifik dan arkeologi telah

menegaskan bahawa Burma , China , Jawa dan Annam adalah empat pusat pembuatan gong utama dunia purba.Gong ini diperkenalkan di Dunia Barat pada abad ke-18 dan di dalam Okestra Simfoni ala Barat.Bentuk gong cauldron gangsa yang dikenal sebagai loceng berdiri atau loceng kerehatan digunakan secara meluas dalam kuno Greece dan Rom misalnya di Oracle Dodona yang terkenal dimana gong cakera juga digunakan.

Di dalam kalangan masyarakat Dayak Sarawak terutama orang Iban gong yang besar dikenali sebagai “tawak”.Gong yang lebih kecil dan nipis dikenali sebagai “bebenda” dan yang paling kecil ialah “engkerumong”.Gong bukan sekadar alat muzik tradisional bagi masyarakat Dayak tetapi mempunyai fungsi tertentu.Gong banyak digunakan di dalam upacara-upacara masyarakat Dayak terutamanya semasa perayaan Hari Gawai , Majlis Perkahwinan dan juga semasa kecemasan.Tarian Ngajat misalnya menggunakan gong sebagai alat muzik utama.Pada zaman dahulu gong merupakan harta yang sangat berharga bagi masyarakat Iban di Sarawak.Gong merupakan sejenis alat muzik idiophone yang berasal daripada Asia Selatan dan Asia Tenggara.Gong telah wujud sejak zaman gangsa lagi dari Yunani.Di Malaysia , jumpaan terawal bentuk awal gong adalah gendang Dongsan yang dijumpai di Batu Buruk , Terengganu pada 1974 ianya telah dihasilkan sejak 600 tahun lalu atau lebih awal sehingga abad ke – 3 dan merupakan salah satu contoh hasil kerja logam budaya itu yang terbaik.Hal ini adalah kerana hasil pendedahan dari perdagangan rempah antara India dan Cina yang berlaku sejak zaman Yunani lagi dan juga hasil kerajaan Melayu tua seperti Champa dan banyak nama tempat di Kelantan dan Terengganu menggunakan nama gong.

Alat ini terjamin berkualiti tinggi kerana cara pembuatannya adalah sukar dan memerlukan kos yang tinggi.Alat ini diimport dari Indonesia terutama dari Jawa.Gong tempatan mempunyai “shallow rims” dan “small boss”.Melodi yang dihasilkan adalah untuk memberi isyarat pada permulaan dan pengakhiran sesebuah lagu.Semasa pemerintahan kerajaan Nusantara gong kecil atau canang akan dikandar oleh pesuruh raja yang akan berkeliling kampung bagi menyebarkan berita.Gong akan dicanang bagi mengumpulkan

penduduk kampung dan titah raja akan dibacakan oleh pesuruh raja. Secara umumnya , gong merupakan antara alat muzik yang popular di negeri Sabah. Di dalam persembahan Gendang Pahang gong dimainkan bersama gendang ibu dan gendang anak bagi mengiringi persembahan silat atau tarian. Dengan menggunakan penukul khas gong akan ditempa bagi membentuk logam seperti tembaga. Pada langkah seterusnya adalah acuan , diperingkat ini pembuat gong akan mula membuat sarang atau modul sebelum proses penuangan aloi. Teknik biasanya digunakan untuk membuat alat-alat dalam keluarga gong yang bersaiz kecil seperti cak lempong , kesi dan canang. Peringkat ketiga ialah petri iaitu proses mencantumkan bahagian-bahagian tertentu bagi membentuk alat yang sempurna , contoh gong adalah gong anak dan ibu , gong suwukan , gong agong dan gong terinai.

Daripada Jurnal Warisan Indera Kayangan , Gendang Perlis adalah kesenian yang terdapat di negeri Perlis yang keseniannya telah luput sejak tiga dekad iaitu dalam 60-an yang lalu semenjak temasya laga kerbau diharamkan. Pada tahun 60-an bagi masyarakat di Perlis terutama di kampung-kampung termasuk golongan istana diganding bersama dengan temasya laga ayam atau menyabung ayam , ketika pemerintahan Jepun dan Siam tradisi ini adalah bebas yang tidak menjadi kesalahan. Ketika temasya laga kerbau diadakan itulah wujudnya persembahan Gendang Perlis , ianya dimainkan ketika kerbau sedang berlaga. Memandangkan di negeri Perlis menggunakan pukulan gendang ketika temasya diadakan maka gendang tersebut digelar Gendang Perlis. Kerbau yang digunakan untuk menjadi juara laga kerbau ini dipilih khas daripada jenis kerbau yang sihat. Sempena perayaan Jubli Emas Tuanku Raja Perlis yang diadakan pada 4 Disember 1955 Gendang Perlis telah dihidupkan kembali dengan dipersembahkan di dalam majlis perasmian Muzium Negeri yang diadakan pada 7 Disember 1995 , usaha untuk menghidupkan kembali Gendang Perlis ini telah dilakukan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis iaitu Kumpulan Gendang Perlis di Kampung Santan. Sepertimana yang disebut dahulu kesenian ini sebenarnya merupakan persembahan gendang yang dimainkan di dalam Temasya Laga Kerbau , akan tetapi kini

ianya dipersembahkan kembali di majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan. Lazimnya di ganding bersama dengan Silat Pulut iaitu para pesilat bersilat dengan cara berjenaka. Secara umumnya Gendang Perlis dan Gendang Pahang mempunyai persamaan kerana tidak menggunakan tiupan serunai tetapi gendang nya lebih kecil berbanding gendang Pahang.

Zety Natamulia Elias menjelaskan seni muzik adalah salah satu daripada aliran kesenian tradisional masyarakat melayu selain daripada seni gaya , seni rupa dan permainan tradisional. Muzik telah diterima sebagai bunyi atau sesuatu yang sedap didengarkan dan dihasilkan secara sengaja oleh seorang atau di dalam kumpulan. Muzik adalah gabungan yang amat unik boleh dibunyikan dengan gabungan antara alat muzik bagi mendapatkan hasil yang lebih baik. Sejak muzik ini diperkenalkan kepada masyarakat pelbagai alat muzik telah dicipta dari masa ke masa. Walaubagaimanapun , alat muzik seperti gendang , rebab , serunai dan gong telah dikatakan hak milik mutlak masyarakat melayu yang telah diciptakan dan diwarisi turun temurun sejak berkurun dulu. Sejak zaman kesultanan melayu Melaka lagi ketika berlakunya penyebaran agama Islam pengaruh Timur Tengah telah mulai memberi kesan kepada alat penciptaan gendang di Malaysia. Bentuk dan sifat sebuah alat muzik yang ada di pelosok dunia dengan merujuk kepada dua pola yang umum iaitu penyesuaian dan cara atau gaya yang tersendiri bersifat peribadi. Alat – alat muzik melayu tradisional terbahagi kepada empat jenis iaitu idiophone , membranofon , kordofon dan erofon. Gendang merupakan alat muzik di dalam kategori membranofon yang mempunyai fungsi untuk menghasilkan bunyi daripada kulit yang telah diregangkan. Pada awal penciptaan gendang adalah bertujuan sebagai upacara pemujaan bagi memohon kesuburan.

Rahim Aman (2017) gendang adalah sebagai alat muzik yang telah wujud di dalam semua budaya di Sarawak dengan mempunyai peranan yang hampir sama dengan semua kaum tetapi berbeza daripada rentak dan pukulan. Gendang menjadi alat muzik upacara secara turun menurun atau perubatan tradisional untuk kesemua kaum bumiputera ,

gendang juga menjadi salah sebuah alat muzik di dalam pukulan muzik bagi acara pertahanan diri seperti pencak dan silat dalam masyarakat Melayu dan Melanau atau alat perang di dalam kaum Iban. Gendang bermaksud permainan bergendang atau majlis bergendang untuk berhibur dan memeriahkan suasana sama ada kunjungan tetamu , pesta bersuka ria selepas penghasilan sesuatu produk seperti menuai , meriahkan sesuatu perayaan , upacara rasmi yang dihadiri orang penting. Gendang Melayu Sarawak merujuk kepada satu bentuk acara seni persembahan yang melibatkan permainan alat muzik utama iaitu gendang bersama instrument violin dan arkodion disamping diiringi dengan gerak tali dan berpantun yang berlaku serentak sewaktu persembahan ini dipersembahkan. Sejarah asal usul persembahan Gendang Melayu Sarawak ini mempunyai beberapa versi yang berbeza , ada pandangan yang telah menyatakan bahawa alat muzik dan gerak tari ini telah dibawa oleh pedagang Arab yang menjalankan aktiviti perdagangan di Nusantara termasuk dari kepulauan Borneo dan seni persembahan Gendang Melayu itu pula dibawa oleh para pedagang itu. Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa Gendang Melayu Sarawak mula wujud sewaktu pemerintahan Sir Charles Vyner Brooke. Pandangan lain pula menjelaskan yang Gendang Melayu Sarawak telah berasal daripada Sambas , Indonesia yang dibawa masuk melalui pendakwah Islam , pedagang dan para pembesar istana ke Sarawak. Hal ini seiring dengan kemasukan beberapa aktiviti seni lain dari Sambas seperti hadrah , ratib zikir dan al-burdah.

Gendang mempunyai pelbagai nama mengikut indentiti kaum atau negeri , di dalam masyarakat Cina gendang mereka ialah Gendang 24 musim atau juga dikenali dengan gendang Shigu di dalam kalangan pemain muzik tradisional di Malaysia. Peralatan muzik masyarakat ini mempunyai 24 buah buah gendang dimana setiap daripada gendang mewakili setiap satu musim di dalam 24 musim pertanian di dalam kalender Cina. Di dalam kalender Cina , setiap kali musim bunga , musim panas , musim gugur , dan musim dingin akan dibahagikan kepada 6 musim kecil. Oleh yang demikian , di dalam satu kalender Cina terdapat 24 musim kecil , musim ini dikaitkan dengan jadual pekerjaan petani di negara

China melalui kalender , Cina petani akan mengetahui waktu yang sepatutnya mereka patut membajak tanah , menyemai , menuai dan aktiviti-aktiviti pertanian yang lain. Gendang ini juga berfungsi untuk mengiringi tarian singa bagi upacara rasmi dan perayaan. Semasa bermain gendang pemain akan memukul dengan menggunakan dua batang tongkat pemukul. Pukulan pada permukaan dan sudut yang berlainan dapat menghasilkan timbre yang berlainan. Bunyi “dung” yang rendah terhasil apabila bahagian tengah permukaan dipukul dan bunyi “tik” yang tinggi dan pendek terhasil apabila pemain memukul kedua-dua kayu. Bunyi “tak” pula terhasil apabila kayu memukul bahagian tepi gendang. Gendang juga boleh dimainkan dengan gunakan tapak tangan untuk menghasilkan bunyi yang diinginkan , gendang ini akan diletakkan di atas rak kayu berkaki empat.

2.3 Kesimpulan

Kesimpulannya , sorotan kajian adalah hasil rumusan yang ditulis oleh pengkaji dengan tujuan untuk menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Sorotan Kajian disusun mengikut topik dan laporan kajian dengan mengikut tema atau kajian individu. Kajian ini juga adalah dokumentasi yang diperlukan di dalam proposal kajian. Oleh itu , pandangan yang berbeza daripada para pengkaji dahulu akan membolehkan pengkaji memahami topik yang dikaji secara menyeluruh. Pandangan yang ada akan memberikan panduan untuk pengkaji fokus kepada kajian dengan lebih mendalam. Melalui sorotan kajian ini telah membantu pengkaji di dalam menyiapkan kajian yang berkaitan persembahan Gendang Pahang.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Penyelidikan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji permasalahan yang timbul. Oleh itu, penyelidik perlu melakukan pelbagai kajian untuk merungkai permasalahan yang timbul. Bentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk penyelidikan. Penyelidikan ialah salah satu perkara yang sangat penting supaya maklumat yang didapatkan tidak mengelirukan pembaca, tepat dan sahih. Penyelidikan juga akan bertindak sebagai garis panduan kepada pengkaji supaya tidak melakukan kesilapan dan tidak keluar daripada skop kajian yang sebenar.

Di dalam sesebuah proses penyelidikan, pengkaji perlu melakukan beberapa kaedah seperti kaedah soal selidik, temubual, kerja lapangan, rujukan perpustakaan dan sebagainya. Walaubagaimanapun, kaedah – kaedah ini tidak semestinya wajib dilakukan, hanya kaedah yang sesuai sahaja boleh digunapakai, dengan melakukan penyelidikan sesuatu persoalan dapat dijawab berdasarkan bukti-bukti dan sumber-sumber yang diyakini. Sehubungan dengan itu, penyelidikan yang dijalankan dapat menguatkan lagi kajian yang dijalankan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merujuk kepada cara atau kaedah untuk menjawab persoalan yang timbul daripada penyelidikan yang dilakukan. Rekabentuk kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Data kuantitatif ialah kajian yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kuantitatif, data kuantitatif adalah bersifat boleh diukur melalui proses pengukuran dengan memerlukan alat-alat pengukuran seperti soal selidik. Saiz sampel bagi kajian ini lebih besar berbanding daripada kajian data kualitatif. Jenis kajian kuantitatif terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu kajian deksriptif, kolerasi, Causal Comparative dan kajian Eksperimental. Data kualitatif pula adalah kajian

yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kualitatif. Data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian , temubual , analisis dokumen atau apa sahaja cara untuk mendapatkan data yang lebih lengkap , saiz sampel bagi kajian ini lebih kecil berbanding kajian kuantitatif. Jenis kajian kualitatif terbahagi kepada empat elemen iaitu kajian tindakan , kajian kes , kajian lapangan dan analisis dokumen.

3.2 Kaedah Kajian

Di dalam kajian mengenai Gendang Pahang yang dijalankan , pengkaji telah menggunakan kedua-dua jenis data atau kajian gabungan , data yang diperoleh juga menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah antara cara yang paling mudah untuk menjawab objektif dan persoalan yang timbul di dalam kajian ini manakala bagi kaedah kuantitatif digunakan adalah untuk mengkaji persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang.

3.3 Data Sekunder

Data sekunder adalah data yang diperolehi melalui sumber bacaan. Sebagai contoh , pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber bacaan akhbar , buku , majalah , jurnal dan lain – lain sumber seperti rujukan Internet. Data Sekunder dikenali sebagai sumber kedua yang dimana telah dikaji oleh orang terlebih dahulu

3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah perpustakaan dengan melakukan pencarian daripada bahan bacaan ilmiah mengenai Gendang Pahang bagi melengkapkan penulisan. Pengkaji juga telah menggunakan sumber rujukan daripada artikel , majalah , jurnal yang berkait rapat dengan penyelidikan yang dijalankan , pengkaji juga turut menggunakan sumber Internet di dalam mencari maklumat yang lebih lanjut mengenai kajian yang dijalankan.

3.4 Data Primer

Data primer adalah data yang merujuk kepada data atau maklumat yang telah diperoleh sendiri oleh pengkaji berdasarkan pelbagai kaedah kajian yang telahpun dijalankan. Data primer juga merupakan data yang dikumpul melalui kaedah pemerhatian dan temubual bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

3.4.1 Kaedah Pemerhatian

Tujuan kaedah pemerhatian dijalankan adalah untuk pengkaji meninjau lokasi kajian dan melihat sendiri persembahan Gendang Pahang di samping mengkaji setiap peralatan yang terdapat di dalam Gendang Pahang. Tinjauan ini akan di lakukan di negeri asal pengkaji sendiri iaitu di sekitar daerah Jerantut. Melalui kaedah ini pengkaji akan dapat melihat dengan lebih jelas mengenai Gendang Pahang.

3.4.2 Kaedah Temubual

Di dalam kajian yang dijalankan juga pengkaji akan menggunakan kaedah temubual , kaedah ini merupakan teknik pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka (face to face) atau melalui percakapan telefon di antara pengkaji dengan orang yang ditemubual atau *responden*. Di dalam kajian ini pengkaji akan menemubual tokoh Gendang Pahang yang masih bergiat di dalam persembahan ini bagi mendapatkan penerangan yang lebih terperinci. Pengkaji juga akan menemubual beberapa orang masyarakat di Pahang bagi mengetahui sejauhmanakah mereka mengetahui mengenai persembahan Gendang Pahang yang dimainkan di dalam mengiringi tarian dan persembahan silat.

3.4.3 Soal Selidik

Borang soal selidik adalah borang yang digunakan bagi menggantikan diri pengkaji di dalam melakukan kajian. Soal selidik terbahagi kepada beberapa bahagian serta ruangan untuk dijawab responden. Borang soal selidik boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu terbuka dan tertutup. Soalan tertutup ialah soalan yang menjurus kepada soalan berstruktur dimana setiap responden perlu menjawab soalan berdasarkan kepada pilihan jawapan yang telah disediakan manakala soalan terbuka pula merujuk kepada soalan yang tidak

berstruktur dimana responden perlu memberi jawapan secara bebas. Berdasarkan kajian yang dijalankan pengkaji akan membuat soal selidik berkaitan persepsi generasi muda terhadap Gendang Pahang.

3.5 Kesimpulan

Kaedah metodologi merupakan antara bahagian yang paling penting di dalam sesebuah penyelidikan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dimana setiap persoalan akan dijawab dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, soal selidik dan lain – lain kaedah bagi melengkapkan kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini juga pengkaji turut mendapatkan maklumat dengan menggunakan data sekunder, sebelum mendapatkan maklumat daripada kaedah kualitatif pengkaji akan mendapatkan maklumat melalui data sekunder iaitu melalui bahan bacaan, rujukan kajian lepas, sumber Internet dan lain-lain.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan


Bab ini menerangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah-kaedah yang digunakan .Pengkaji menggunakan kaedah seperti borang soal selidik , temubual , pemerhatian dan kajian perpustakaan iaitu rujuk kepada buku dan jurnal .Pengkaji menggunakan kaedah-kaedah ini untuk mendapatkan maklumat dan data yang tepat mengenai persembahan Gendang Pahang . Kaedah-kaedah ini telah digunakan untuk menjawab ketiga-tiga objektif di dalam kajian yang dijalankan.Selain itu , pengkaji juga menganalisis data dalam bentuk jadual , graf berserta huraian yang lengkap bagi melengkapkan kajian yang dijalankan.

4.2 Kaedah Soal Selidik

4.2.1 Bahagian A : Demografi Responden

Antara aspek yang dikaji berkenaan latar belakang responden ialah seperti berikut :

1. Jantina
2. Umur
3. Bangsa




Graf 4.1 : Data responden mengikut jantina .

Jantina	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	13	43.4%
Perempuan	17	58.6%

Jadual 4.1 :Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Berdasarkan graf 4.1 iaitu mengenai peratusan mengikut jantina yang telah menjawab soalan soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada responden. Soal selidik ini telah diedarkan melalui *google form* dengan menyasarkan kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang berasal daripada Pahang. Sebanyak 43.4% yang mewakili responden lelaki iaitu seramai 13 orang lelaki dan 58.6% responden adalah perempuan iaitu berjumlah seramai 17 orang. Melalui soal selidik ini 30 orang responden telah didapatkan.




Graf 4.2 : Data responden mengikut umur

Umur	Bilangan (orang)	Peratus (%)
13-20 TAHUN	5	16.8%
21-30 TAHUN	20	69%
31-40 TAHUN	5	16.8%
41 TAHUN KE ATAS	0	0

Jadual 4.2 :Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut umur

Berdasarkan graf 4.2 menunjukkan peratusan mengikut umur responden yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan melalui *google form*. Sebanyak 69% dengan bilangan 20 orang di dalam kalangan umur 21-30 tahun telah menjawab soal selidik mengenai Gendang Pahang yang mana ia merupakan peratusan yang paling tinggi mengikut umur responden manakala bagi umur 13-20 tahun dan 31-40 masing-masing dengan nilai 16.8% bersamaan dengan 5 orang. Bagi umur 41 tahun ke atas tidak mencatatkan nilai peratus. Keputusan kajian soal selidik mengikut peratusan umur dan telah membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian yang dijalankan.



Graf 4.3 : Data responden mengikut bangsa

Bangsa	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Melayu	20	69%
Cina	2	6.9%
India	2	6.9%
Lain-lain	4	13.8%


Jadual 4.3 : Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa

Berdasarkan graf 4.3 menunjukkan peratusan mengikut bangsa yang telah menjawab soalan kaji selidik mengenai melestarikan persembahan , peralatan dan penglibatan generasi muda di dalam Gendang Pahang .Bangsa melayu 69% dengan 20 bilangan orang.Seterusnya , ialah bangsa cina dan india yang berkongsi peratusan yang sama iaitu sebanyak 6.9%.Bagi bangsa lain-lain pula ialah sebanyak 13.8% yang terdiri daripada Orang Asli dan sebagainya.

4.2.2 : Bahagian B : Cara untuk melestarikan persembahan Gendang Pahang terhadap generasi muda.

Bahagian B merangkumi soalan yang diedarkan secara atas talian kepada responden yang terlibat dan soalan tersebut adalah seperti berikut :

1. Menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mempromosi atau mempamerkan aktiviti berkaitan persembahan Gendang Pahang.
2. Pegiat seni perlu lebih kreatif di dalam mempamerkan seni persembahan Gendang Pahang dengan menginovasi tetapi masih mengekalkan elemen tradisional.
3. Peranan ibu bapa dalam memperkenalkan seni persembahan Gendang Pahang.
4. Memperkenalkan subjek seni persembahan muzik yang merangkumi semua jenis persembahan muzik termasuk Gendang Pahang di sekolah.
5. Membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti yang menarik.




Graf 4.4 : Dapatkan responden mengenai menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mempromosi atau mempamerkan aktiviti berkaitan persembahan Gendang Pahang.

Tidak Setuju	1	4.1%
Kurang Setuju	0	0
Setuju	14	46.7%
Sangat Setuju	14	46.7%

Jadual 4.4 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 1 iaitu *mengenai menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mempromosi atau mempamerkan aktiviti berkaitan persembahan Gendang Pahang.*

Bagi soalan selidik bahagian B iaitu cara melestarikan persembahan Gendang Pahang terhadap generasi muda data dan maklum balas telah diperolehi . Berdasarkan pernyataan 1 iaitu menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mempromosi atau mempamerkan aktiviti berkaitan persembahan Gendang Pahang. Hasil daripada kutipan data menunjukkan sebanyak 46.7% daripada sangat setuju dan setuju dengan pernyataan 1 manakala terdapat 2 bilangan orang daripada sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan nilai 4.1% tidak menyokong dengan pernyataan 1.




Graf 4.5 : Dapatan responden mengenai *pengiat seni perlu lebih kreatif di dalam mempamerkan seni persembahan Gendang Pahang dengan menginovasikannya tetapi masih mengekalkan elemen tradisional.*

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	3	10%
Tidak Setuju	0	0
Kurang Setuju	1	4%
Setuju	14	46.7%
Sangat Setuju	12	40%

Jadual 4.5 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 2 iaitu *mengenai pengiat seni perlu lebih kreatif di dalam mempamerkan seni persembahan Gendang Pahang dengan menginovasikannya tetapi masih mengekalkan elemen tradisional.*

Berdasarkan pernyataan 2 iaitu mengenai pengiat seni perlu lebih kreatif di dalam mempamerkan seni persembahan Gendang Pahang dengan menginovasiannya tetapi masih mengekalkan elemen tradisional. Graf 4.5 menunjukkan bilangan responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan 2 adalah 10% bersamaan dengan 3 orang dan kurang setuju 1 orang iaitu 4% . Seterusnya , nilai 46.7% setuju dengan pernyataan 2 begitu juga dengan sangat setuju yang mencatatkan nilai peratusan 40%.




Graf 4.6 : Dapatan responden mengenai peranan ibu bapa dalam memperkenalkan seni persembahan Gendang Pahang.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	2	6.7%
Kurang Setuju	3	13.3%
Setuju	18	60%
Sangat Setuju	7	20%

Jadual 4.6 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 3 iaitu *mengenai peranan ibu bapa di dalam memperkenalkan seni persembahan Gendang Pahang*

Berdasarkan graf 4.6 bagi pernyataan 3 menunjukkan peratus tertinggi pada jawapan setuju adalah sebanyak 60% bersamaan dengan 18 orang bilangan responden. Pernyataan 3 adalah mengenai peranan ibu bapa di dalam memperkenalkan seni persembahan Gendang Pahang. Diikuti dengan jawapan sangat setuju 20%. Walaubagaimanapun pernyataan ini mendapat respon kurang setuju dengan peratus 13.3% dan diikuti tidak setuju dengan peratus 6.7%.




Graf 4.7 : Dapatan responden mengenai *memperkenalkan subjek seni persembahan muzik yang merangkumi semua jenis persembahan termasuk Gendang Pahang.*

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	2	6.7%
Kurang Setuju	3	10%
Setuju	14	46.7%
Sangat Setuju	11	36.7%

Jadual 4.7 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 4 *iaitu memperkenalkan subjek seni persembahan muzik yang merangkumi semua jenis persembahan termasuk Gendang Pahang.*

Berdasarkan graf 4.7 bagi pernyataan 4 iaitu memperkenalkan subjek seni persembahan muzik yang merangkumi semua jenis persembahan termasuk Gendang Pahang. Pada bahagian ini menunjukkan respon daripada responden adalah menyokong pernyataan ini dengan jawapan setuju mencatatkan 14 bilangan orang dengan nilai peratusan 46.7%. Seterusnya sebanyak 36.7% bersamaan dengan 11 orang dicatatkan pada sangat setuju. Di dalam pernyataan ini juga mencatatkan 10% iaitu bersamaan dengan 3 orang yang tidak menyokong pernyataan ini dengan memilih kurang setuju diikuti dengan tidak setuju 6.7% manakala tiada respon di bahagian sangat tidak setuju.



Graf 4.8: Dapatan responden mengenai *membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti menarik.*

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	3	6.7%
Kurang Setuju	1	4%
Setuju	14	46.7%
Sangat Setuju	12	43.3%


Jadual 4.8 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 5 iaitu *membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti menarik.*

Pernyataan 5 telah menunjukkan respon terhadap sangat setuju dengan nilai peratus 46.7% bersamaan 14 bilangan orang dan sangat setuju mencatatkan 43.3% manakala pernyataan yang berkaitan dengan membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti menarik mendapat jawapan tidak setuju dengan nilai peratusan 6.7% dan kurang setuju dengan nilai peratusan kurang setuju sebanyak 4% yang mewakili 1 orang .

4.2.3 : Bahagian C : Persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang

Bahagian C merangkumi soalan yang di edarkan secara atas talian kepada responden yang terlibat dan soalan tersebut adalah seperti berikut :

1. Generasi muda menganggap persembahan Gendang Pahang hanya dalam upacara mengiringi silat sahaja .
2. Generasi muda menganggap persembahan ini sudah terlalu lapuk berbanding dengan persembahan moden pada masa kini.
3. Instrumen muzik yang tidak enak di dengar.
4. Persembahan Gendang Pahang tidak mempunyai unsur nasihat seperti persembahan lain.
5. Generasi muda lebih meminati persembahan moden berbanding persembahan tradisional.




Graf 4.9: Dapatan responden mengenai Generasi muda menanggapi persembahan Gendang Pahang hanya dimainkan dalam upacara mengiringi silat sahaja.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	2	6.7%
Kurang Setuju	8	26.7%
Setuju	12	40%
Sangat Setuju	8	26.7%

Jadual 4.9 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 1 iaitu menanggapi persembahan Gendang Pahang hanya dimainkan dalam upacara mengiringi silat sahaja.

Bagi soalan soal selidik bahagian C iaitu persepsi generasi muda terhadap persembahan Gendang Pahang data dan maklumbalas yang telah diperolehi oleh pengkaji daripada borang soal selidik yang telah diedarkan telah disenaraikan didalam bentuk graf. Pada pernyataan 1 iaitu generasi muda menanggapi persembahan Gendang Pahang hanya dimainkan dalam upacara mengiringi silat sahaja telah mencatatkan nilai peratus tertinggi iaitu 40% dengan jawapan setuju diikuti sangat setuju dengan nilai peratus 26.7%. Pernyataan ini juga turut tidak disokong oleh responden dengan jawapan kurang setuju dengan peratus 26.7% bersamaan dengan 8 orang dan 6.7% iaitu dengan 2 bilangan orang yang memilih jawapan tidak setuju dengan pernyataan 1 .




Graf 4.10: Dapatan responden mengenai Generasi muda menganggap persembahan ini sudah terlalu lapuk berbanding persembahan moden pada masa kini.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Kurang Setuju	9	30%
Setuju	15	53.3%
Sangat Setuju	6	20%

Jadual 4.10 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 2 iaitu Generasi muda menganggap persembahan ini sudah terlalu lapuk berbanding persembahan moden pada masa kini.

Berdasarkan graf 4.10 bagi pernyataan 2 iaitu generasi muda menganggap persembahan ini sudah terlalu lapuk berbanding persembahan moden pada masa kini. Bagi pernyataan ini jawapan sangat setuju telah mencatatkan 20% dengan 6 bilangan orang manakala pilihan jawapan setuju menunjukkan nilai peratus 53.3% dengan 15 orang responden. Seterusnya terdapat 30% jawapan kurang setuju bersamaan dengan 9 bilangan orang dengan pernyataan 2.




Graf 4.11: Dapatan responden mengenai Instrumen muzik yang tidak sedap di dengar

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	3	10%
Tidak Setuju	6	20%
Kurang Setuju	12	40.1%
Setuju	6	23.3%
Sangat Setuju	3	10%

Jadual 4 .11 : Analisis jumlah dan peratus berdasarkan pernyataan 3 iaitu instrument muzik yang tidak enak didengar.

Berdasarkan Graf 4.10 bagi pernyataan 3 iaitu instrument muzik yang tidak enak didengar menunjukkan responden tidak menyokong dengan pernyataan ini dengan memilih sangat tidak setuju dengan nilai peratus 10% bersamaan dengan 3 orang dan pilihan tidak setuju dengan nilai 20% bersamaan dengan 6 orang responden dan kurang setuju dengan 12 bilangan orang bersamaan dengan nilai 40.1% . Bagaimanapun pernyataan di sokong apabila pilihan jawapan setuju dan kurang setuju mencatatkan nilai 23.3% bersamaan dengan 6 bilangan orang dan nilai 10% bersamaan 3 orang .




Graf 4.12: Dapatan responden mengenai Persembahan Gendang Pahang tidak mempunyai unsur nasihat seperti persembahan tradisional.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	3	10%
Tidak Setuju	0	0
Kurang setuju	12	40.1%
Setuju	12	40.1%
Sangat Setuju	3	10%

Jadual 4.12 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 4 mengenai persembahan Gendang Pahang tidak mempunyai unsur nasihat seperti persembahan tradisional lain.

Berdasarkan Graf 4.12 bagi pernyataan 4 iaitu persembahan Gendang Pahang tidak mempunyai unsur nasihat seperti persembahan tradisional lain. Pernyataan ini telah menunjukkan nilai peratus yang sama di pilihan jawapan kurang setuju dan setuju iaitu 40.1% bersamaan dengan 12 bilangan responden manakala 10% memilih sangat setuju. Pernyataan ini tidak disokong dengan nilai 10% bersamaan dengan 3 bilangan orang yang memilih jawapan sangat tidak setuju .



Graf 4.13: Dapatan responden mengenai Generasi muda lebih meminati persembahan moden berbanding persembahan tradisional .

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	4	15.1%
Tidak Setuju	2	6.7%
Kurang Setuju	3	13.3%
Setuju	15	53.3%
Sangat Setuju	6	23.3%

Jadual 4.13 : Analisis jumlah dan peratusan berdasarkan pernyataan 5 mengenai Generasi muda lebih meminati persembahan moden berbanding persembahan tradisional .

Berdasarkan graf 4.13 bagi pernyataan 5 iaitu mengenai generasi muda lebih meminati persembahan moden berbanding persembahan tradisional telah menunjukkan peratusan tertinggi di jawapan setuju dengan nilai 53.3% bersamaan dengan 15 orang dan jawapan sangat setuju dengan nilai 23.3% bersamaan 6 bilangan orang . Seterusnya , sebanyak 15.1% memilih sangat tidak setuju dan 6.7% memilih tidak setuju manakala sangat tidak setuju dengan nilai peratus 15.1% bersamaan dengan 4 bilangan orang .

4.3 Kaedah Temubual

Pengkaji telah melakukan satu temubual bersama dengan penggiat seni persembahan Gendang Pahang di daerah Jerantut , Pahang . Individu yang telah ditemubual adalah individu yang masih aktif dengan persembahan Gendang Pahang ini dan mampu menjawab segala persoalan yang dikemukakan bagi melengkapkan kajian yang sedang dijalankan. Beliau ialah Muhammad bin Mohd Yunus atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Mad yang sudah berusia 59 tahun dan telah mula berjinak-jinak dengan gendang sejak tahun 2005. Tok Mad telah menerima Anugerah Seni Gendang Pahang yang telah disampaikan oleh Datuk Ismail Sabri pada tahun 2021. Pengkaji telah mengemukakan beberapa soalan semasa temubual dilakukan. Soalan pertama yang telah dikemukakan adalah mengenai sejarah asal usul persembahan Gendang Pahang ini. Menurut Tok Mad Gendang Pahang ini adalah seni tradisi yang dipengaruhi dengan agama Islam yang mendalam dan dikatakan notasi muzik dibawa oleh Dato Purba Jelai lalu disebarkan oleh tiga generasi dengan mempunyai lagu yang tersendiri dikenali dengan Bujang Hilir dan dimainkan sepanjang Sungai Jelai serta Sungai Pahang.

Seterusnya soalan yang dikemukakan adalah mengenai alat muzik yang terlibat di dalam persembahan Gendang Pahang. Menurut Tok Mad bagi membezakan Gendang Pahang dengan gendang negeri lain adalah Gendang Pahang yang asli tidak menggunakan serunai. Alat muzik yang digunakan di dalam persembahan Gendang Pahang adalah gendang anak , gendang ibu dan gong . Gendang Pahang dikatakan dahulunya dimainkan ketika majlis perkahwinan di Raja dan adat istiadat istana serta bagi mengiringi persembahan silat dan

Tarian Inai namun kini ianya dimainkan dengan bebas. Tok Mad menjelaskan Gendang Pahang mempunyai 4 jenis paluan iaitu Gendang Silat , Gendang Kosong , Gendang Seloka dan Gendang Poyang. Paluan gendang yang biasa dimainkan ialah Bujang Hilir , Raja Berangkat , Sama Deras dan Lenggang Janda. Tok Mad mengatakan setiap lagu yang dihasilkan mempunyai kisah sebaliknya dan diceritakan di dalam lagu untuk hiburan dan nasihat. Di dalam penyelidikan yang dijalankan oleh Tok Mad lagu gendang Pahang adalah berbeza mengikut tempat dan daerah di dalam negeri Pahang tetapi ada juga lagu dan rentak yang sama tetapi kalau ditempat lain ianya dikenali dengan nama yang berbeza. Tok Mad menjelaskan lagu Gendang Pahang mempunyai 163 tetapi lagu yang dapat dijumpai hanya 70 selebihnya tidak dapat dikesan kewujudannya.

Soalan terakhir yang telah diajukan oleh pengkaji adalah mengenai cara pukulan gendang menurutnya , seni mempelajari pukulan gendang adalah bergantung kepada kepekaan pelajar , kekuatan daya ingatan serta cara dan teknik yang digunakan jurulatih atau guru yang mengajar serta skema lagu itu sendiri yang perlu memainkan peranan yang penting. Latihan yang dilakukan secara berterusan akan menjadi penyebab kepantasan atau kecekapan seorang pemukul atau pemain gendang. Tok Mad berkata keupayaan pemain gendang meniru rentak adalah kelebihan unik seorang pemain gendang kerana terdapat pukulan yang tidak mudah untuk dipelajari dan tidak dapat dikuasai oleh sesetengah pemain gendang.

Melalui kaedah temubual ini , pengkaji sangat berpuas hati dengan setiap jawapan yang telah dijawab dan sekaligus kaedah ini telah menjawab persoalan kajian yang pengkaji jalankan. Dengan ini , pengkaji dapat memperoleh maklumat atau data dengan lebih lengkap dan terperinci.

4.4 Pemerhatian

Pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian secara turut serta secara umumnya. Dalam kaedah ini pengkaji berpeluang melihat Tok Mad bermain gendang ibu dan anak, beliau juga turut memberi peluang kepada pengkaji untuk mencuba bermain gendang anak. Tok Mad telah mengajarkan satu teknik pukulan yang paling mudah untuk diikuti. Semasa Tok Mad memainkan gendang ibu pengkaji dapat merasai pengalaman itu dengan lebih dekat. Setiap pukulan yang dilakukan oleh Tok Mad pengkaji mendapati pukulannya mempunyai alunan yang sukar diikuti pengkaji. Dalam menjalankan kaedah ini pengkaji dapat merumuskan bahawa persembahan Gendang Pahang masih mengekalkan elemen sedia ada tanpa mengubahnya. Setiap pemain memainkan peranan dengan memainkan alat muzik mereka iaitu gendang ibu yang dimainkan oleh Tok Mad dan diikuti pelajarnya bermain gendang anak berserta dengan nyanyian yang menyerikan lagi persembahan itu. Melalui kaedah pemerhatian pengkaji dapat menyimpulkan bahawa persembahan Gendang Pahang masih mengekalkan aspek – aspek tradisional di dalam persembahan walaupun kini telah melalui arus kemodenan.

4.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan data dan maklumat yang telah pengkaji perolehi daripada kaedah-kaedah yang dijalankan dengan ini dapat mencapai objektif penyelidikan dengan jayanya. Pengkaji telah berjaya mendapatkan maklumat yang cukup mengenai persembahan Gendang Pahang. Hasil kajian yang telah diperolehi mendapati bahawa persembahan ini tidak diketahui kewujudannya oleh generasi muda namun ianya berusaha diangkat oleh tokoh Gendang Pahang supaya persembahan ini tidak lapuk di telan zaman. Hal ini berlaku disebabkan oleh budaya masyarakat kini yang telah moden mengikut arus pemodenan.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Secara keseluruhannya , bab yang terakhir akan membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan terhadap penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji .Perbincangan ini meliputi beberapa aspek yang telah dikenalpasti sepanjang pengkaji menjalankan kajian mengenai Gendang Pahang : melestarikan persembahan , peralatan dan penglibatan generasi muda .

5.2 Cadangan untuk mengekalkan persembahan Gendang Pahang dan penggunaan alat muzik tradisional di negeri Pahang

Beberapa cadangan telah dikenalpasti oleh pengkaji bagi memastikan tiada perubahan yang berlaku ke atas penggunaan alat muzik tradisional di dalam persembahan Gendang Pahang dan memastikan kebudayaan dan kesenian ini akan terjaga .Bagi memastikan cadangan ini berjaya semua pihak perlu berkerjasama dalam memastikan agar seni warisan ini dipelihara dan dipulihara disamping mampu menjadi sebuah produk pelancongan kepada negeri Pahang . Antara cadangan yang dimaksudkan ialah seperti berikut :

5.2.1 Pihak Kerajaan Negeri

Pihak kerajaan negeri perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan produk warisan negeri Pahang ini masih berterusan dan dipersembahkan mengikut nilai kesenian yang betul . Hal ini kerana , pihak kerajaan negeri bertanggungjawab dalam memastikan kebudayaan ini terjaga serta mampu diwarisi hingga ke generasi yang seterusnya.Kini persembahan Gendang Pahang semakin dilupakan dan tidak diketahui kewujudannya . Walaubagaimanapun , persembahan gendang Pahang ini adalah merupakan salah satu pelancongan yang mampu menarik minat para pelancong tidak kira dari dalam atau luar negara yang datang ke negeri Pahang.Persembahan ini adalah satu hiburan yang menarik dan mengangkat nama

negeri Pahang dalam setiap bait lagu yang dinyayikan.Oleh itu , pihak kerajaan negeri seharusnya berusaha untuk mengekalkan persembahan Gendang Pahang dan terus memainkannya agar tidak mati ditelan masa .

5.2.2 Agensi Pelancongan

Selain daripada pihak kerajaan negeri , agensi pelancongan juga perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan persembahan Gendang Pahang ini sentiasa dikekalkan .Seperti yang diketahui agensi pelancongan ditugaskan untuk mengendali pelancong yang datang ke negara kita . Disini agensi pelancongan boleh mempromosikan kesenian dan kebudayaan yang ada di negara kita selain tempat – tempat bersejarah.Persembahan Gendang Pahang dan lain-lain persembahan boleh diadakan pada hari tersebut dan ini dapat memberikan mereka lebih banyak pengetahuan mengenai kebudayaan dan kesenian yang ada di negeri Pahang.Dengan mengadakan program seperti ini juga kita dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke negara kita dan sekaligus dapat menyumbang kepada peningkatan ekonmi negara.

5.2.3 Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan juga boleh menjadi medan untuk memastikan kebudayaan di negeri kita dikekalkan dan tidak hilang ditelan zaman . Di Malaysia terdapat banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah-sekolah . Persembahan Gendang Pahang tersebut pula perlu mengambil kira setiap aspek kesenian dan kebudayaan yang dipersembahkan . Setiap pemain perlu mengekalkan struktur asal persembahan dimana ianya terdiri daripada pemain gendang ibu dan anak , pemain gong dan penyanyi. Selain itu , cara berpakaian juga perlulah memakai pakaian yang berunsurkan tradisional seperti pahlawan melayu. Dengan mengadakan aktiviti seperti ini sekaligus dapat menerapkan nilai kesenian dan kebudayaan kepada setiap pelajar dan dapat memupuk rasa cinta mereka kepada kebudayaan negeri kita .

5.3 Cadangan Lanjutan

Seperti daripada cadangan yang telah diterangkan , cadangan lanjutan juga telah dicadangkan dalam penyelidikan ini . Cadangan lanjutan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pengkaji lain untuk membuat kajian yang berkaitan dengan Gendang Pahang ini dari perspektif yang berbeza . Sebagai contoh , pengkaji lain boleh membuat kajian mengenai proses membuat alat muzik yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang.

Selain itu , pengkaji lain juga boleh membuat kajian mengenai lirik – lirik lagu yang ada di dalam persembahan Gendang Pahang dengan lebih mendalam .Setiap lirik lagu yang terdapat di dalam persembahan Gendang Pahang mempunyai maksud tersendiri yang boleh dikaji oleh pengkaji lain . Oleh itu , daripada kajian ini pengkaji lain dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan .

5.4 Kesimpulan

Gendang Pahang merupakan satu persembahan tradisional yang dahulunya popular di dalam kalangan masyarakat di negeri Pahang khususnya di daerah Jerantut . Persembahan Gendang Pahang dahulunya dikatakan dipersembahkan kan hanya untuk golongan atasan dan bagi mengiringi silat serta tari Inai tetapi kini ianya sudah dipersembahkan untuk setiap lapisan masyarakat bagi menunjukkan nilai tradisinya.Berdasarkan kajian yang telah dilakukan Gendang Pahang dikatakan telah dibawa oleh golongan bangsawan iaitu Dato Purba Jelai dan penyebarannya mengenainya telah dilakukan melalui tiga generasi .

Selain itu , pengkaji mendapati penggunaan alat muzik di dalam persembahan Gendang Pahang adalah lebih kurang sama dengan alat muzik Gendang di negeri lain tetapi yang membezakannya adalah Gendang Pahang dimainkan dengan tidak menggunakan instrument serunai .Peralatan muzik yang digunakan adalah gendang anak , gendang ibu dan gong. Di dalam persembahan Gendang Pahang terdapat lagunya yang

tersendiri , rentak pembukaan digunakan bagi memulakan muzik dan akan diikuti dengan “rentak mati” atau alunan “membunuh” di pengakhirannya juga diikuti lain-lain rentak.

Seterusnya , pengkaji telah memberikan beberapa cadangan bagi memperkenalkan dan memartabatkan seni persembahan Gendang Pahang di negeri Pahang ini. Cadangan-cadangan ini diberi bagi memastikan persembahan ini tidak terhakis dan hilang ditelan zaman memandangkan persembahan ini adalah lambang bagi negeri Pahang maka setiap generasi perlu mempratikkan kesenian ini untuk memastikan kesenian dan kebudayaan negeri Pahang tidak hilang ditelan zaman . Dengan adanya cadangan ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengekalkan kesenian dan kebudayaan negeri Pahang .

RUJUKAN

Buku

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan JKKN (2019) , Warisan Budaya Identiti Malaysia

“ *Gendang Pahang* ”

Amiruddin Ali (2005) , Jangan Gendang Bertingkah Lagi , Dewan Persuratan Melayu Pahang

Ahmad Omar bin Haji Ibrahim (2005) , Seni Persembahan Melayu Pahang dan Terengganu , Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan , Kesenian dan Warisan Malaysia , 2005

Artikel

Siti Khodijah Mohd Annuar , Mohd Kamal Sabran (2004) Gendang Pahang Augmentation and technological symbiosis

Adnan Jusoh , Yunus Sauman , Zuliskandar Ramli (2011) Penemuan gendang gangsa dan hubungkait dengan seni persembahan

Internet

Pemetaan Budaya , (2014) Muzik Pahang . Diambil dari https://pemetaanbudaya.blogspot.com/p/blog-page_58.html?m=1

Zurailawati Yong , (2021) Keunikan Gendang Pahang bersama Tok Mad . Diambil dari <https://baskl.com.my/keunikan-gendang-pahang-bersama-tok-mad/>

Negeri Pahang (2015) Asal Usul Gendang Pahang . Diambil dari <https://negeripahang.com/gendang-pahang-bukan-alunan-gendang-biasa>

Laman Pahang (2020) Pukulan Gendang . Diambil dari <https://lamanpahang.blogspot.com/2010/12/gendang-pahang-sanggang.html?m=1>

Temu Bual

Muhammad bin Mohd Yunus (Tok Mat Gendang) Persatuan Seni Tradisi Gendang Pahang ditemu bual pada 19 November 2011 di Jerantut , Pahang .

LAMPIRAN**LAMPIRAN A****BORANG SOAL SELIDIK TERHADAP GENDANG PAHANG : MELESTARIKAN PERSEMBAHAN , PERALATAN DAN PENGLIBATAN GENERASI MUDA**

Saya Nurul Syakirah Binti Norhisham merupakan pelajar tahun 4 di dalam elektif Seni Persembahan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) . Saya sedang mengkaji mengenai penglibatan generasi muda terhadap Gendang Pahang . Tinjauan ini hanya digunakan untuk tujuan akademik semata-mata.

Bahagian A : MAKLUMAT PERIBADI RESPONDEN

JANTINA () PEREMPUAN
() LELAKI

UMUR () 13-20 TAHUN
() 21-30 TAHUN
() 31-40 TAHUN
() 41 TAHUN KE ATAS

BANGSA () MELAYU
() CINA
() INDIA
() LAIN – LAIN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Bahagian B : CARA UNTUK MELESTARIKAN PERSEMBAHAN GENDANG PAHANG
TERHADAP GENERASI MUDA**

BIL	SOALAN	TAHAP PERSETUJUAN
1	Menggunakan platform media sosial seperti Facebook untuk mempromosi atau mempamerkan aktiviti berkaitan persembahan Gendang Pahang .	1 2 3 4 5
2	Pengiat seni perlu lebih kreatif di dalam mempamerkan seni persembahan Gendang Pahang dengan menginovasikannya tetapi masih mengekalkan elemen tradisional .	1 2 3 4 5
3	Peranan ibu bapa dalam memperkenalkan seni persembahan Gendang Pahang .	1 2 3 4 5
4	Memperkenalkan subjek seni persembahan muzik yang merangkumi semua jenis persembahan termasuk Gendang Pahang di sekolah	1 2 3 4 5
5	Membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti menarik .	1 2 3 4 5

Bahagian C : **PERSEPSI GENERASI MUDA TERHADAP PERSEMBAHAN GENDANG PAHANG**

BIL	SOALAN	TAHAP PERSETUJUAN
1	Generasi muda menganggap persembahan Gendang Pahang hanya dimainkan dalam upacara mengiringi silat sahaja .	1 2 3 4 5
2	Generasi muda menganggap persembahan ini sudah terlalu lapuk berbanding dengan persembahan moden pada masa kini .	1 2 3 4 5
3	Instrumen muzik yang tidak enak di dengar .	1 2 3 4 5
4	Persembahan Gendang Pahang tidak mempunyai unsur nasihat seperti persembahan lain .	1 2 3 4 5
5	Generasi muda lebih meminati persembahan moden berbanding persembahan tradisional .	1 2 3 4 5

MALAYSIA

KELANTAN